

BPHB sumbang PPE kepada Pusat Dialisis NKF KAS/Rotary

BINTULU: Bintulu Port Holdings Berhad (BPHB) telah menyumbang Peralatan Perlindungan Peribadi (PPE) kepada Pusat Dialisis Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF), Persatuan Buah Pinggang Sarawak (KAS)/Rotary kelmarin sebagai usaha komited dan berterusan syarikat itu dalam memberi sokongan kepada pusat kesihatan di seluruh negeri ini.

Usaha itu juga sejajar dengan saranan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang menggalakkan pelbagai pihak menyumbangkan PPE untuk kegunaan petugas barisan hadapan penjagaan kesihatan yang memain peranan dan tanggungjawab mereka tanpa henti dalam merawat pesakit sementara negara masih memerangi wabak COVID-19.

“Kami memahami bahawa sehingga berakhirnya perang ke atas pandemik, PPE akan menjadi keperluan tetap petugas perubatan dan sebagai warga korporat

korporat Kumpulan BPHB Maslihah Tioh yang mewakili Ketua Pegawai Eksekutif kumpulan syarikat itu, Dato Mohammad Medan Abdullah telah menyerahkan PPE itu kepada Pengurus Pusat Dialisis NKF KAS/Rotary Reylene Ursula Dieter.

Reylene mengucapkan jutaan terima kasih kepada organisasi yang komited membantu terutamanya terhadap petugas barisan hadapan penjagaan kesihatan yang memain peranan dan tanggungjawab mereka tanpa henti dalam merawat pesakit sementara negara masih memerangi wabak COVID-19.

Dalam pada itu, Reylene mengucapkan terima kasih kepada BPHB atas sokongan

yang bertanggungjawab, kita mesti dan akan melakukan semua yang termampu untuk melindungi pahlawan negara ini sepanjang perjuangan kita melawan virus yang membawa maut ini,” ujarnya.

Majlis penyampaian sumbangan yang diadakan di Pusat Dialisis NKF KAS/Rotary Kuching itu turut disaksikan pegawai pusat terbabit dan BPHB.

Antara yang disumbangkan ialah 350 gaun pengasingan, 350 apron isolasi biru dengan cangkuk, 1,000 topi jururawat, 100 tudung untuk muslim, 300 pelindung muka, 100 kotak pelitup/topeng muka perubatan-gelung telinga serta 200 kotak sarung tangan getah bebas serbuk bersaiz L.

Dalam pada itu, Reylene mengucapkan terima kasih kepada BPHB atas sokongan

dan keprihatinan syarikat itu yang secara berterusan membantu pelbagai keperluan organisasi atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tempatan di Sarawak.

Pada Jun tahun (2020), BPHB juga menyumbangkan 2,000 set PPE bernilai RM200,000 kepada empat hospital besar di Sarawak iaitu Hospital Bintulu, Hospital Miri, Hospital Sibu dan Hospital Umum Sarawak (HUS) Kuching.

BPHB akan terus memain peranannya untuk membantu rakyat Malaysia pada masa ini sekali gus meminta semua orang untuk mengamalkan kebersihan diri serta prosedur operasi standard (SOP) seperti yang disarankan oleh KKM dalam usaha membendung dan memutuskan rantai pandemiik COVID-19.



SEIKHLASNYA: Maslihah (dua kiri) menyampaikan sumbangan BPHB kepada Reylene (dua kanan) untuk keperluan Pusat Dialisis NKF KAS/Rotary Kuching.